

Ruj. Kami : UPM/PEND/500-1/4

Tarikh : Ogos 2014

JAWATAN KOSONG

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan komitmen yang tinggi dan bercita-cita untuk berkhidmat dalam sebuah Universiti yang sedang menuju ke arah Universiti bertaraf dunia bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

JAWATAN 1 : PEREKA GRED B41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : RM 1926.00 – RM 8687.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis. (Gaji permulaan ialah pada Gred B41:RM1,926.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

DAN

Kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pereka Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas.

JAWATAN 2 : PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B41

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**
Jadual Gaji : RM 1926.00 – RM 8687.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred B41:RM1,926.00); atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00); atau
- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

DAN

Kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Artis Budaya Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan di perenggan 1(e) di atas.

JAWATAN 3 : JURUTERA GRED J41

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**
Jadual Gaji : RM 2360.00 – RM 8743.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2360.00) dan
- b) lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan di atas; atau
- lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Keutamaan kepada calon yang memiliki kelayakan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal]

JAWATAN 4 : PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**
Jadual Gaji : RM 1909.00 – RM 8644.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2112.86) atau
- b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2112.86) atau
- c) Ijazah Sarjana dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2521.70) atau
- d) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2828.32) dan
- e) lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbang untuk PSL ke perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan

- mempunyai kelayakan seperti di atas; atau
- lulus Peperiksaan Khas

[Calon bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Psikologi mesti memiliki kelayakan Profesional (Kaunselor Berdaftar)].

JAWATAN 5 : PUSTAKAWAN GRED S41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : RM 1909.00 – RM 8644.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan Gred S41 : RM2112.86); atau
- Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan Gred S41 : RM2112.86); atau
- Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Gred S41 : RM2419.49).
- Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

JAWATAN 6 : PEMELIHARA HUTAN GRED G41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : RM 1915.00 – RM 8651.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Sains (Perhutanan). (Gaji permulaan ialah pada Gred G41 : RM2221.37).
- b) lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan adalah layak dipertimbang oleh pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pemelihara Hutan Gred G41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan seperti di atas.

JAWATAN 7 : PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C27
--

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM 1374.00 – RM 5116.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains ; (Gaji permulaan ialah pada Gred C27 : RM1374.00) atau
- b) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred C27 : RM1374.00) atau
- c) Diploma dalam bidang Teknologi Makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred C27 : RM1673.91) atau
- d) Diploma dalam bidang Kimia Industri/Mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred C27 : RM1749.12)
- e) lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbang oleh pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan seperti di atas; atau
- lulus Peperiksaan Khas.

JAWATAN 8 : PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G27

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM1363.00 – RM5094.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan Gred G27 : RM1363.00); atau
- b) Diploma dalam bidang Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Gred G27 : RM1739.00); dan
- c) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 9 : PENOLONG JURUTERA GRED JA29

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM1418.00 – RM5121.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : Gred JA29: RM1418.00); atau
- b) Diploma dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : Gred JA29: RM1826.02); dan
- c) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksaan Kereta Motor dan Penjaga Jentera Elektrik adalah layak dipertimbangkan untuk PSL ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

JAWATAN 10 : JURURAWAT PERGIGIAN GRED U29

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM RM 1312.00 – RM 5173.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma Kejururawatan Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM1687.59)
- b) lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas.

JAWATAN 11 : PEMBANTU PENERBITAN GRED N17

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM 928.00 – RM 3375.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan : Gred N17: RM928.00) dan
- b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil pada peringkat peperiksaan tersebut; (Gaji permulaan : Gred N17: RM928.00) atau

- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut serta penguasaan bahasa yang tinggi dalam bahasa-bahasa lain yang berkenaan; (Gaji permulaan : Gred N17: RM928.00) atau
- d) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan : Gred N17: RM1209.02) atau
- e) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan : Gred N17: RM1378.22).
- f) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 12 : PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM 928.00 – RM 3375.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred S17 : RM928.00) dan
- b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 13 : PEMBANTU VETERINAR GRED G17

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM 933.00 – RM 3380.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred G17 : RM933.00) dan

- b) Keupujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 14 : PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : RM 928.00 – RM 3375.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris dan mengendalikan komputer); (Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM928) dan
- b) Keupujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 15 : PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : RM837.00 - RM2619.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM837.00) atau
- b) bekas anggota polis berpangkat Konstabel atau tentera yang berpangkat Prebet yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; dan
- c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii) berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;
 - iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - v) lulus dalam Ujian Penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan a) hendaklah kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

TARAF JAWATAN : Semua jawatan di atas bertaraf **TETAP** .

SYARAT LAIN:

- a) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan mestilah berumur tidak melebihi 50 tahun;
- d) Syarat umur bagi pertimbangan peningkatan secara lantikan (PSL)
 - 54 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;
 - 56 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; dan
 - 58 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- e) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON :

Semua permohonan jawatan adalah menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara *Online* (SPJOnline) sepenuhnya dengan memasuki laman web **<http://spj.upm.edu.my>**

PERHATIAN :

Permohonan secara online yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TEMPOH IKLAN:

Sistem Permohonan Jawatan secara online (SPJOnline) akan mula dibuka pada **14 Ogos 2014 (Khamis)** dan akan ditutup pada **31 Ogos 2014 (Ahad)**.